

<b>Headline</b>	<b>Papar imej warisan Malaysia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	14 Feb 2013	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	21	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>650 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>HIDAYAH HAIRON</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,575</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 10,725</b>



# Papar imej warisan Malaysia

*Projek Rangkaian Jejak Warisan ambil kira keselesaan OKU, keselamatan awam*

**HIDAYAH HAIRON**

**KUALA LUMPUR** - Projek Rangkaian Jejak Warisan (Heritage Trail) 2 yang dijangka siap pada Ogos depan dijamin memberi keselesaan kepada pejalan kaki khususnya golongan orang kurang upaya (OKU) dan menjadi tarikan kepada pelancong.

Laluan sepanjang 1.5 kilometer itu melibatkan dari Jalan Melaka melalui Jalan Gereja ke Jalan Raja Chulan seterusnya ke Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, projek dengan kos kira-kira RM5 juta itu akan memberi penekanan terhadap pembinaan semula laluan dengan penelitian khusus terhadap pokok yang perlu ditebang dan dipindahkan.

Menurutnya, projek yang bermula sejak 16 Januari lalu itu, akan menerapkan elemen kemelayuan dan warisan lain dalam usaha menonjolkan imej Malaysia kepada pelancong.

"Ini adalah usaha mewujudkan rangkaian jejak warisan yang selesa untuk kegunaan pengguna khususnya pelancong dengan menghubungkan nilai-nilai sejarah dalam Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

"Projek ini akan menukar wajah kawasan terlibat dengan membuat penataan semula landskap agar lebih hijau dan selesa," katanya ketika Sesi Walkabout Datuk Bandar Bersama Media & NGOs - Heritage Trail Route 2, di sini, semalam.

## Laluan OKU dititikberatkan

NAIK taraf laluan yang akan dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan turut memberi penekanan terhadap kemudahan lalu-

an OKU yang perlu diperbaiki.

Ahmad Phesal berkata, pihaknya mendapati banyak halangan terhadap OKU di laluan pejalan kaki sedia ada kini, justeru pembinaan laluan lebih kemas perlu dipertimbangkan sewajarnya.

"Penyelarasian perlu dibuat bagi membolehkan laluan yang yang disediakan oleh kontraktor nanti berada pada tahap terbaik.

"Terdapat juga kawasan yang kita dapat paras bangunan tersebut tidak sesuai untuk laluan OKU. Jadi, kita akan semak balik dari segi rezab atau pun milik siapa bagi membolehkan DBKL membuat keputusan bagi melebarkan laluan kepada satu standard yang membantu melicinkan perjalanan OKU khususnya," katanya.

## Pantau kualiti material

SEMENTARA itu, DBKL akan membuat pemeriksaan dari masa ke semasa agar kualiti material yang disediakan pihak kontraktor pada tahap terbaik.

Beliau berkata, memorandum persefahaman (MoU) dengan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) Bhd kini sedang dirangka.

"Kita akan membuat kerjasama dengan pihak Sirim untuk membantu DBKL memastikan kualiti material yang digunakan untuk mana-mana projek terutamanya yang berkaitan dengan kemudahan awam, pada tahap terbaik."

"Kita akan menjemput Sirim untuk berbincang membolehkan kita memperoleh kerjasama daripada Sirim," katanya.

## Tebang pokok berisiko

DBKL juga memutuskan untuk menebang dan menggantikan kira-kira 15 pokok yang terjejas di sepanjang laluan terlibat agar ia lebih memberi impak selain sebagai langkah keselamatan awam.

Bagaimanapun Ahmad Phesal berkata, hasil permintaan pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkenaan, DBKL bersetuju mengekalkan beberapa pokok seperti pokok Angsana di bahagian 'pulau' antara laluan kenderaan.

"Di bahagian menghala ke Taman Hutan Bukit Nanas, pokok akan kita buang dan alihkan yang mana wajar dan kita akan tanamkan dengan pokok hutan yang diperoleh dengan nasihat daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kerana DBKL dan FRIM kini sedang mewujudkan MoU.

"Pokok yang ditebang akan digantikan dengan pokok yang lebih berkualiti dengan mendapatkan nasihat daripada FRIM dan dalam masa sama, keluasan tapak tempat pokok akan diteliti agar memberi ruang terbaik untuk tumbesaran pokok," katanya.

## Cat bangunan usang

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Phesal berkata, DBKL juga mengambil kira pemandangan bangunan yang agak usang di sepanjang laluan terlibat dengan projek berkenaan.

Justeru katanya, pihaknya dalam proses meneliti semula sekiranya terdapat sistem atau insentif dari segi pengecatan bangunan yang perlu diberi perhatian.

<b>Headline</b>	<b>Papar imej warisan Malaysia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Feb 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>21</b>	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>650 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>HIDAYAH HAIROM</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,575</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 10,725</b>

INFO

**Projek tersebut akan melibatkan tiga zon konsep bagi rangkaian laluan iaitu:**

- Warisan Melayu di Jalan Melaka yang bertemakan 'Dataran Warisan'.
  - Memaparkan karakter warisan Melayu mengambil sempena Jalan Melaka di mana perabot jalan direka bentuk bermotifkan elemen tradisional bangsa Melayu seperti wakaf, tempat duduk (reka bentuk acuan kuih tradisi Melayu), lampu daripada reka bentuk bubu perangkap ikan dan sebagainya.
- Persimpangan Jalan Gereja dan Jalan Raja Chulan yang bertemakan 'Taman Bandar'.
  - Bakal dilengkapi dengan landskap lembut dengan penerapan elemen air, tempat duduk dan papan kenyataan akan disediakan di hadapan Muzium Telekom sebagai maklumat sejarah bangunan warisan berkeraan kepada pejalan kaki.
- Jalan Raja Chulan berhampiran Pusat Maklumat Perhutanan Bukit Nanas yang bertemakan 'Hutan Simpan'.
  - Spesies pokok yang dipilih bersesuaian dengan latar belakang rimba termasuk menyediakan perabot jalan terdiri daripada bahan kayu dan reka bentuk lampu bermotifkan abstrak akar kayu dan serangga kunang-kunang.


Reaksi



**“Usaha DBKL ini juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kejadian jenayah disebabkan kawasannya yang agak lapang dan terbuka.”**

**Pekerja swasta,  
Ismail Zhafri Mohabbat, 25**

<b>Headline</b>	<b>Papar imej warisan Malaysia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Feb 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mahkamah</b>	<b>Circulation</b>	<b>60,000</b>
<b>Page No</b>	<b>21</b>	<b>Readership</b>	<b>180,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>650 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>HIDAYAH HAIROM</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,575</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 10,725</b>



**Gambaran landskap di Jalan Melaka.**



**Ahmad Phesal (dua, kiri) ketika meninjau pokok yang bakal ditebang dan digantikan menerusi Projek Rangkaian Jejak Warisan 2, ketika sesi walkabout, semalam.**